

**KES TRIBUNAL KOPERASI T- 49-2010**  
**Dalam Tribunal Koperasi Malaysia Di Kuala Lumpur**

**Antara**

**Ishak bin Kamaruddin ..... Pemohon**

**Dengan**

**Koperasi KOBARU Berhad ..... Responden**

**Alasan Award (Majoriti)**

1. Relief yang dipohon oleh Pemohon di perkara 6.1 Borang A adalah suatu pengisytiharan bahawa penggantungan Pemohon sebagai Ahli Lembaga Koperasi (ALK) adalah tidak adil dan tidak mengikut kaedah keadilan dan juga melanggar Akta Koperasi, Undang-Undang Kecil, (UUK) dan Peraturan Koperasi. Relief lain yang dipohon oleh Pemohon daripada perkara 6.2 hingga 6.7 adalah relief sampingan yang berkaitan dengan relief utama ini.

**Samada UUK22 Terpakai dalam Penggantungan Pemohon**

2. Pemohon telah dilantik menjadi ALK Responden pada 2.6.2008 dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT 2008). Pada 14.9.2008 suatu Mesyuarat ALK telah diadakan untuk membincangkan agenda menggantung Pemohon sebagai ALK. Setelah diadakan perbincangan, Mesyuarat ALK pada hari yang sama telah membuat keputusan atas agenda tersebut. Pemohon telah digantungkan jawatannya sebagai ALK dengan serta-merta setelah majoriti ALK berpuas hati bahawa Pemohon telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan atau pergerakan Koperasi menurut Peraturan 20(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 (Peraturan 1995).

3. Pada 29.6.2009, semasa Mesyuarat Agung Tahunan 2009 (MAT 2009), setelah Pemohon diberi peluang memberikan penjelasannya dan setelah mendengar

penjelasan daripada Pemohon, MAT 2009 telah membuat keputusan mengesahkan penggantungan Pemohon sebagai ALK.

4. Hujahan Responden adalah bahawa tindakan Pemohon telah memudaratkan kepentingan Koperasi dan Responden berhak di bawah Peraturan 20 Peraturan 1995 untuk mengantungkan Pemohon dan penggantungan tersebut telah pun disahkan oleh 25 daripada 30 anggota yang hadir dalam MAT 2009.

5. Hujahan Pemohon adalah bahawa penggantungan tersebut tidak sah kerana dia tidak diberikan hak mengikut UUK 22(2) dan 22(3). UUK 22 adalah seperti berikut:

“(1) Jika seseorang anggota melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau melakukan mana-mana satu daripada perbuatan-perbuatan berikut :

(a) merujuk pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Ketua Pendaftar; atau

(b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini, tanpa kebenaran Lembaga; atau

(c) membuat tuduhan palsu ke atas Anggota Lembaga atau anggota-anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini sehingga menyebabkan anggota-anggota berpecah belah dan berpuak-puak; atau

(d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau

(e) bertindak di luar etika mesyuarat Agung sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu,

dia hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini dan bolehlah digantung keanggotaannya.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara

bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab-sebab mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Sebelum memutuskan atau mengeneipkan penggantungan itu, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung perwakilan dengan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir membuat keputusan membuangnya.

(5) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung perwakilan, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajiban sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung”.

6. Dalam kes ini, Pemohon telah digantung sebagai seorang ALK dan dia tetap kekal sebagai anggota Responden. Adalah jelas daripada UUK 20(1)(c) bahawa “Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab-sebab di bawah ini, mengikut mana yang berkenaan: (c) dibuang mengikut undang-undang kecil 22”. Oleh ini, adalah jelas bahawa seseorang anggota boleh dibuang mengikut UUK 22 seperti di atas. Adalah juga jelas bahawa UUK 22 tidak terpakai dalam proses penggantungan ALK yang menjadi isu dalam kes ini. UUK yang terpakai adalah UUK 45.

7. UUK 45(1) memperuntukan seperti berikut:

45(1) Menurut seksyen 44 Akta, Lembaga pada umumnya adalah bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran serta pengurusan koperasi dikendalikan dengan teratur.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab di bawah fasal (1) itu, Lembaga mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang berikut :

(a)-(k) *tidak berkaitan*;

(l) memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota-anggota dan anggota Lembaga serta melucutkan jawatan-jawatan anggota Lembaga”;

8. Menurut UUK 45, Lembaga boleh melucutkan jawatan anggota Lembaga tetapi tidak disebutkan dalam mana-mana UUK bahawa seseorang ALK boleh dilucut jawatannya sebagai ALK hanya selepas dia diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu seperti mana diperuntukkan dalam UUK 22(3). Jika terdapatnya hasrat bagi prosidur di bawah UUK 22(3) dipakai dalam perlucutan jawatan seseorang ALK, penggubal UUK boleh dengan senangnya membuat peruntukan menyatakan bahawa UUK 22(3) terpakai juga, tetapi tidak terdapat peruntukan sedemikian.

9. Pelaksanaan UUK 45 oleh Lembaga adalah diawasi oleh MAT. Ini adalah jelas daripada peruntukan dalam Peraturan 20 Peraturan Koperasi 1995 yang memperuntukan seperti berikut:

“(1) Lembaga boleh menggantung mana-mana anggotanya jika suatu majoriti anggota Lembaga itu berpuas hati bahawa anggota tersebut telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan koperasi berdaftar atau pergerakan koperasi.

(2) Seseorang anggota Lembaga yang digantung di bawah subperaturan (1) hendaklah dengan segera berhenti daripada menjalankan segala hak dalam pengurusan atau pentadbiran hal-ehwal koperasi berdaftar itu.

(3) Apa-apa penggantungan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh suatu majoriti anggota di mesyuarat agung yang terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.

(4) Sebelum mengesahkan atau mengetepikan penggantungan itu, mesyuarat agung hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga itu jika dia memilih untuk berbuat demikian”.

10. Oleh ini, Tribunal ini secara majoriti memutuskan bahawa tiada keraguan bahawa hanya UUK 45 dan Peraturan 20 Peraturan 1995 terpakai apabila Lembaga hendak melucutkan jawatan seseorang ALK dan bukannya UUK 22 yang hanya terpakai bila ALK hendak menggantung keanggotaan seseorang anggota. Oleh ini, dakwaan Pemohon bahawa prosidur di UUK 22(3) tidak dipatuhi oleh Lembaga Responden tidak dapat diterima oleh majoriti dalam Tribunal ini.

## **Sama ada Masa yang Mencukupi Diberikan untuk Pemohon Membela Diri**

11. Dalam kes ini, Pemohon telah digantung oleh majoriti ALK pada 14.9.2008 sebagai ALK Responden. Penggantungan Pemohon sebagai ALK disahkan oleh majoriti MAT 2009 pada mesyuaratnya yang diadakan pada 29 Jun 2009.

12. Hujahan Pemohon adalah bahawa dia tidak diberi peluang dan waktu yang cukup untuk membela diri. Pemohon menyatakan bahawa dia digantung pada Mesyuarat ALK bertarikh 14.9.2008 (Mesyuarat ALK Khas). Notis Mesyuarat ALK Khas (Notis tersebut) untuk membincangkan tindakan tata tertib terhadap Pemohon adalah bertarikh 2.9.2008 dan dikemukakan oleh Pemohon di ms 61 dan 62 Borang A yang difailkan oleh Pemohon. Notis tersebut dengan jelasnya menyatakan 3 perkara yang akan dibincang dalam Mesyuarat ALK Khas. Pada 8.9.2008, Pemohon ada membuat beberapa pertanyaan berkenaan dengan Notis tersebut dengan Responden dan Responden ada menjawab surat tersebut. Ini menunjukkan bahawa Pemohon telah meneliti dan memahami tuduhan yang dibawa terhadapnya. Semasa Mesyuarat ALK Khas diadakan, 3 perkara yang dianggap oleh Responden sebagai tingkah-laku Pemohon yang memudaratkan Responden telah dikemukakan dan mengikut keterangan SP1, dan minit Mesyuarat ALK Khas tersebut, ketiga-tiga perkara seperti dalam Notis tersebut telahpun dibincang dengan panjang lebar dan Pemohon diberikan peluang untuk menjawab dengan sepenuhnya.

13. Salah satu daripadanya adalah sikap tidak mahu berkerjasama dan tidak mahu mengikuti cara pentadbiran Koperasi yang sedia ada. Surat-surat Pemohon seperti di ms 71-74 dalam P1 ada menunjukkan bahawa Pemohon ingin mengadakan suatu taklimat berkenaan dengan perniagaan baru bagi Responden tanpa membentangkan perkara tersebut terlebih dahulu di dalam Mesyuarat ALK sebagaimana amalan biasa sepertimana yang disyorkan oleh Pengerusi Responden dalam suratnya bertarikh 14.8.2008. Surat itu dikemukakan dalam ms 75 P1.

14. Tribunal diberitahu bahawa pada akhirnya, Pemohon telah tidak meneruskan dengan taklimat perniagaan baru tersebut. Pemohon ada menulis surat bertarikh 21.8.2008 kepada Pengerusi Responden dan ALK yang lain. Perenggan enam surat Pemohon yang dikemukakan di ms 73 – 74 P1 adalah seperti berikut:

“Dalam nada yang sama saya mengucapkan ribuan terima kasih dalam usaha untuk menghalang saya untuk membawa kebaikan kepada semua ahli koperasi. Sayugia dinyatakan bahawa koperasi ini bukan hak peribadi pentadbiran dan sepatutnya berasa malu kerana terus mengusahakan dan menjalankan perniagaan yang merugikan dan tidak berpotensi maju serta berlaku pembaziran wang Kobaru dalam membeli asset-aset seperti lori, kereta, motosikal dan lain-lain yang tidak menambahkan pendapatan Koperasi.

Oleh ini, saya membebaskan diri dari tanggungan liabiliti Ahli Lembaga seperti Peruntukan Perkara 45 dalam Akta Koperasi 1993 Pindaan Hingga Julai 2007 atas segala tuntutan.”

15. Adalah diperhatikan bahawa surat di atas yang bertarikh 21.8.2008 diterima oleh ALK dan Responden sebelum Mesyuarat ALK Khas pada 14.9.2008. Pemohon tahu akan perbalahan yang sedang berlaku di antaranya dan Lembaga Responden di mana dia telah dengan sendirinya membebaskan dirinya daripada tanggungan liabiliti bersama sebagai seorang ALK sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 45, Akta Koperasi 1993. Oleh ini, adalah pandangan majoriti Tribunal ini bahawa Pemohon memang fasih dengan pertuduhan yang dibawa terhadapnya dan mempunyai masa yang mencukupi dan munasabah untuk menjawab dakwaan terhadapnya di Mesyuarat ALK Khas.

16. Surat jemputan ke MAT 2009 bertarikh 20 Jun 2009 telah dihantar kepada Pemohon dan Pemohon juga mengakui menerima notis tersebut pada 22 Jun 2009. MAT 2009 diadakan pada 29.6.2009 dan majoriti Tribunal ini mendapati bahawa

Pemohon mempunyai masa yang mencukupi untuk menyediakan jawapannya sejak dari 14.9.2008. Pemohon memang tahu bahawa MAT akan diadakan dalam bulan Jun setiap tahun. Pemohon juga tahu semasa penggantungannya sebagai seorang ALK oleh Lembaga Responden bahawa dia akan berpeluang mengemukakan penjelasannya kepada MAT 2009 jika dia memilih untuk membuat demikian dan penjelasannya perlu diberikan dalam MAT yang terdekat sekali iaitu pada MAT 2009. Pemohon memang tahu bahawa MAT 2009 berkuasa menentukan sama ada hendak bersetuju atau mengenyepikan keputusan Lembaga Responden untuk menggantungkannya.

17. Semasa MAT 2009, Pemohon telah menjalankan pembelaannya dan diberi peluang sepenuhnya oleh Pengerusi Mesyuarat MAT 2009 yang juga merupakan Pengerusi Responden untuk mengemukakan penjelasannya kepada 21 orang yang hadir. Yang tidak hadir hanya 3 orang sahaja. Pemohon telah terus menjalankan pembelaannya sendiri dengan baik semasa MAT 2009 tanpa dihalang oleh sesiapa.

18. Semasa pendengaran kes ini, adalah juga diperhatikan bahawa Pemohon lancar dan fasih dalam mengemukakan kesnya. Pemohon membuat pilihan tidak mahu menggunakan khidmat peguam walaupun dia ada dinasihatkan oleh Tribunal ini untuk membuat demikian jika dia mempunyai apa-apa masalah. Tribunal dapat merumuskan daripada Penghujahan Pemohon dan keputusan Pemohon untuk kekal mewakili dirinya sendiri bahawa dia tidak mempunyai sebarang masalah kerana dia fasih dengan UUK, Peraturan dan undang-undang berkaitan dengan kesnya dan fakta-fakta pertikaian walaupun majoriti Tribunal ini tidak dapat menerima hujahan atau tafsiran yang dikemukakan olehnya.

19. Ms 71-87 minit mesyuarat MAT 2009 ada merekodkan dengan jelas bahawa Pemohon diberi peluang membela diri dan pembelaannya. Apabila dibacanya keseluruhan minit mesyuarat tersebut dapatlah rumuskan bahawa punca ketidakpuasan dan perbalahan yang berlaku adalah berpunca daripada pengataan dan perselisihan di antara Pemohon dan ALK lain. Semua anggota wakil yang hadir

juga diberi peluang membahas dan mengemukakan pendapat mereka sama ada hendak menyokong atau mengeneipkan keputusan Lembaga Responden.

20. Majoriti Tribunal ini mendapati bahawa jika terdapatnya wakil-wakil atau anggota yang tidak mengundi dalam MAT 2009, ini tidak membatalkan keputusan MAT 2009. Tiada terdapat peruntukan di mana-mana bahawa seseorang itu mesti mengundi. Dia boleh mengecualikan dirinya daripada mengundi. Maka secara keseluruhannya, majoriti Tribunal ini mendapati bahawa Pemohon telah diberikan masa yang mencukupi untuk membela dirinya dengan baik.

### **Sama Ada Pemohon Telah Bertindak Memudaratkan Kepentingan Koperasi**

21. Menurut Pemohon, ALK lain dalam Responden telah “terguris hati, sakit hati dan dendam” tentang apa yang dibangkitkan olehnya dalam MAT 2008 sebagai anggota Responden dan Responden telah “merekacipta tuduhan dan mencari sebab untuk membalas dendam kepada Pemohon”. Pemohon telah mengemukakan kepada Tribunal ini kesemua perkara yang dia telah bangkitkan semasa MAT 2008 sebagai bukti bagi menyatakan bahawa itu adalah “cara Responden membalas dendam”.

22. Mengikut Responden pula, tuduhan Pemohon seperti di atas tidak benar. Pemohon telah digantung oleh Lembaga Responden dan kemudiannya dilucutkan sebagai seorang ALK oleh MAT 2009 kerana dia telah melakukan beberapa perkara yang memudaratkan kepentingan Responden.

23. Menurut keterangan yang dikemukakan oleh SP1, dia memang bersetuju supaya Pemohon menyertai Lembaga Responden pada mulanya dalam MAT 2008. Akan tetapi perwatakan Pemohon selepas menyertai Lembaga Responden tidak menurut prinsip berkoperasi dan tidak mengikut kaedah pengurusan dan pentadbiran Koperasi.

24. Menurut UUK 38(2)(b), jika

“majoriti anggota-anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi menurut subperaturan 20(1) Peraturan”.

25. Responden telah mengemukakan perkara yang dikatakan oleh ALK sebagai bukti bahawa Pemohon telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi. Dalam UUK 46, adalah diperuntukkan bahawa:

“Menurut seksyen 45 Akta, Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli-ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi oleh sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta, Peraturan, Undang-Undang Kecil ini serta aturan-aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agungnya”.

26. Jelas daripada surat Pemohon di ms 73 – 74 P1, bahawa tindakan Pemohon untuk membebaskan diri daripada tanggungan bersamanya sebagai seorang ALK dalam Lembaga Responden tidak boleh diterima dan boleh dianggap sebagai tindakan yang memudaratkan kepentingan Responden.

27. Adalah jelas daripada minit Mesyuarat ALK ke 47 (Kali Pertama Penggal 2008-2009) bertarikh 14 Julai 2008 bahawa Pemohon enggan bekerjasama dengan ALK yang lain untuk membaikpulihkan Responden walaupun Pemohon ada menyatakan niatnya untuk membuat demikian. Dalam Agenda 2.5 semasa mengagihkan tugas-tugas kepada semua ALK setelah Lembaga baru telah dilantik, Pengerusi Responden ada mencadangkan bahawa Pemohon turut menyertai mana-mana

jawatankuasa yang dia ingini tetapi Pemohon telah menolak cadangan Pengerusi. Minit di perenggan 2.5.4 menyatakan seperti berikut:

“Saudara Tuan haji Kamaruddin Bin Long mencadangkan agar Saudara Tuan Haji Ishak Bin Kamaruddin memilih untuk berkhidmat di dalam mana-mana jawatankuasa yang sedia ada untuk memberi perkhidmatan.

2.5.6 Saudara Tuan haji Ishak Bin Kamaruddin menolak cadangan itu buat sementara waktu”.

28. Semasa Pemeriksaan Balas oleh Pemohon, SR5 ada ditanya seperti berikut:

**“Pemohon** : Pemohon dilantik sebagai ALK pada 2.6.2008 hingga 14.9.2008. Adakah tempoh ini mencukupi bagi saya melaksanakan tanggungjawab saya untuk membuat sumbangan kepada koperasi?

**SR5** : ALK tidak pernah kata Pemohon tidak bertanggungjawab. Apa yang saya katakan adalah Pemohon menolak dan tidak mahu memegang satu tugas yang spesifik. Pengerusi telah tawarkan kepada Pemohon untuk menguruskan satu tugas contohnya menjadi pengurus kedai tetapi pada masa itu Pemohon menolak buat sementara waktu.”

29. Sepertimana ditunjukkan di ms 207 R16 di bawah Agenda 2.6, selepas menolak tawaran Pengerusi Responden untuk menerajui mana-mana jawatankuasa dalam Responden, Pemohon ada mengemukakan pendapatnya untuk mengadakan kegiatan ekonomi yang baru bagi Responden. Jelas daripada minit tersebut, bahawa Pemohon tidak bersetuju dengan kegiatan semasa Responden. Minit mesyuarat ALK ke-47 yang berkaitan adalah seperti berikut:

“2.6.1 Saudara Tuan Haji Ishak bin Kamaruddin berkata beliau adalah orang lama di dalam Koperasi ini, selama ini beliau tidak ambil pusing. Saya biasa datang ke Mesyaurat Agung, banyak juga soalan yang saya soal tetapi tidak boleh dijawab. Saya adalah seorang pelajar ekonomi dan bidang koperasi adalah termasuk di dalam mata pelajaran. Banyak hal yang boleh diperkatakan, tetapi saya tidak ingin membangkitkan kontroversi. Ini adalah amanah yang diberi oleh anggota-anggota. Ada benda-benda kita mesti berubah. Tiap-tiap tahun kita rugi apa logiknya kita teruskan. Saya ingin membuat cadangan model-model yang boleh menaikkan taraf ekonomi anggota-anggota kita perlu kaji ekonomi kepada keuntungan. Contohnya berniaga dengan modal RM1.00 akan kembali RM100.00. Masalahnya ialah ego orang-orang tertentu. Kita tengok fakta, kita tulis surat kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Model perniagaan ini paling mudah dengan modal RM5,000.00 akan membawa kebaikan kepada ekonomi. Kita duduk bukan hendak cari salah orang. Jangan langgar tembok. Kita perlu mahir tetapi kegiatan kedai-kedai tidak usahlah. Lagi satu contoh, beliau menerangkan mengapa mesyuarat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, cawangan Bandar Tun Razak, beliau tidak dibawa bersama. Saya tidak bermuka-muka, saya bukan munafik, kalau saya betul, saya harap saya diterima dengan baik. Saya bersikap konservatif dalam perniagaan, contoh kita dapati banyak tanah-tanah tersepit milik DBKL yang boleh dipohon untuk tapak Taska. Kita juga boleh dapat gran dari MB Selangor kalau kita urusniaga dengan pandai, kita boleh beri Anggota RM600.00 atau RM500.00 sebulan.”

30. Pengerusi MAT 2009 memerhatikan di ms 79 R16 para 3.29 ke 3.33 seperti berikut:

“Apabila dilantik sebagai ALK, beliau diberi tugas tetapi Saudara Ishak Bin Kamaruddin menolaknya. Jadi, saya serba salah. Saya takut berlaku berpecah belah.

...Kalau kita nak tegur, tegurlah secara berhemah.

Cara Saudara Ishak Bin Kamaruddin lakukan agaklah tidak baik dan banyak tersinggung. Saya tarik dia dulu, sebab dia terpelajar. Tapi caranya adalah tidak kena.

Nampaknya kerja kita tidak berjalan, asyik nak bertekak sahaja. Kita membazirkan masa”.

31. Pada pandangan majoriti Tribunal ini, Pemohon tidak dapat bekerja sama, tidak akrab dan tidak secocok dengan ALK yang lain. Maka adalah sukar untuk Responden menjalankan pentadbiran dan perniagaan koperasi dengan lancar jika kesemua keputusan Lembaga Responden dipersoalkan oleh Pemohon tanpa Pemohon mahu mengambil alih sebarang tanggungjawab yang ditawarkan kepadanya sebagai ALK. Pemohon boleh mengambil alih tanggungjawab menerajui salah satu kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh Responden dan dikatakan oleh Pemohon sebagai merugikan Responden. Pemohon boleh cuba menunjukkan kepada Lembaga Responden bagaimana sebagai seorang ahli ekonomi dan orang yang lama dalam koperasi, dia dapat membaikpulihkan kegiatan ekonomi Responden.

32. Dibalikannya, Pemohon tidak mahu memegang mana-mana tanggungjawab yang ditawarkan kepadanya. Menurut keterangan yang dikemukakan, Lembaga Responden dipersoalkan seolah-olah terdapat rasuah dan penyelewengan. Ini telah membangkitkan kemusykilan terhadap Lembaga Responden sepertimana dinyatakan dalam ms 47 Nota Prosiding seperti berikut:

**“Pemohon** : Setujukah dengan teguran Pemohon yang ingin mendorong koperasi ke arah cara pembelian yang lebih kemas?

**SR5** : Setuju tetapi cara Pemohon menegur telah menimbulkan perasaan curiga seolah-olah terdapat komisyen, ALK tidak cerdik dan terdapat kemusykilan samada ALK telah memberi pertimbangan sedalam-dalamnya kepada cadangan untuk membeli rumah kedai tersebut.”

33. Di samping itu, Pemohon juga membangkitkan perkara-perkara yang dianggap oleh Pengerusi Responden sebagai perkara yang telah memecah-belahkan Lembaga Responden dan menghancurkan Koperasi serta hal peribadi ALK lain. Ini adalah jelas daripada “*demeanour*” Pengerusi Responden semasa beliau memberi keterangan. Cara Pengerusi Responden merayu dengan Pemohon supaya bercakap dengan cara yang baik kepada ALK yang lain dan bersepadu dalam mencapai objektif Koperasi menunjukkan kesungguhan dan kesedihan Pengerusi Responden.

34. Kebetulan Pengerusi telah menjemput Pemohon bertanding sebagai ALK tetapi dapatlah dilihat bahawa Pengerusi ada banyak memberi nasihat kepada Pemohon mengenai cara memperbaiki Koperasi secara “berhemah, “step-by-step” dan bukan dengan cara keterlaluan.” Di ms 6 Nota Prosiding, Pengerusi Responden ada menyatakan bahawa “ALK telah digertak dan diperkecilkan dan ini adalah sesuatu yang tidak elok sedangkan ALK berusaha dengan sebaik-baiknya untuk kebaikan Koperasi.”

35. Mengikut keterangan Setiausaha Responden pula, dengan pembelian rumah kedai dan kegiatan menjalankan kedai-kedai Koperasi oleh Responden, pihak SKM telah melantik Responden untuk menjadi peneraju pemborong Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala Pemohon tidak bersetuju dengan pembelian rumah kedai

walaupun pembelian tersebut telah dibuat setelah penimbangan dibuat oleh Lembaga Responden. Keterangan Setiausaha Responden adalah seperti berikut:

“Contohnya rumah kedai 3 tingkat itu telah dibelikan setelah mengadakan perbincangan di antara ALK semasa mesyuarat ALK. Pembelian itu adalah daripada pemaju iaitu Koperasi Serbaguna Sungai Besi Berhad. Ada surat tawaran yang diterima daripada Koperasi tersebut dan Responden ada mendapat diskaun daripada Koperasi Serbaguna Sungai Besi Berhad. Waktu Responden dicabar oleh Pemohon semasa MAT 2008, Pemohon tidak mengemukakan sebarang bukti bahawa harga pembelian adalah lebih tinggi daripada harga pasaran pada masa itu. Pemohon menyatakan bahawa ekonomi dunia merundum dan tidak cerdik dibelinya bangunan tersebut pada masa ini. Dengan itu, kelihatan kepada MAT bahawa ALK telah tidak membuat keputusan yang baik setelah menimbangkan segala fakta pada masa itu. Dan ini membawa kepada perasaan curiga terhadap ALK.”

36. Pandangan Pengerusi Responden juga diutarakan oleh ALK yang lain. Semasa MAT 2009, sepertimana dicatitkan dalam ms 82 R16 para 3.62, adalah dinyatakan bahawa:

“Bila Saudara Ishak Bin Kamaruddin masuk menjadi Anggota Lembaga, saya pun seronok juga kerana beliau orang pandai, tapi kerjanya tak habis-habis untuk menghentam sahaja”.

37. Semasa Mesyuarat ALK Khas, Pengerusi Responden menyatakan “saya merasakan saya sembahyangpun tidak khusyuk memikirkan perkara ini; kita perlu

berbincang secara friendly; kita bermesyuarat secara berhemah; tidak guna kita berpecah belah kalau kita berpecah belah, tiada siapa yang untung; kita perlu pandai ambil hati orang; jangan kata semua tidak betul”.

38. Akan tetapi, segala nasihat dan rayuan Pengerusi Responden tidak berhasil kerana Pemohon tetap dengan pendiriannya seperti di ms 49 R16 para 54.22 iaitu:

“Perwatakan saya adalah keras, kalau ada orang tersinggung, apa boleh saya buat?”

39. Ini telah membawa kepada pemerhatian seperti berikut di ms para 56 ms yang sama, iaitu:

“Pemohon melonjak tinggi tetapi beliau begitu kasar. Kalau Pemohon telah menjadi ALK lama, cakupannya tidak diendahkan lainlah perkara. Tetapi ini baru masuk sudah buat perkara”.

40. Pada pandangan majoriti Tribunal ini, adalah amat sukar bagi Pemohon bekerja bersama-sama dengan ALK yang lain dan ini akan menjejaskan pentadbiran hal ehwal Koperasi. Tidak dinafikan bahawa Pemohon mempunyai hak untuk menyoal dan mendapatkan penjelasan daripada ALK dan memang adalah tugas dan tanggungjawab ALK secara perseorangan dan Lembaga secara bersesama untuk memberikan jawapan yang memuaskan kepada anggota semasa MAT.

41. Sehubungan dengan itu, Pemohon telah menonjolkan beberapa perkara yang dianggapnya sebagai kesalahan yang telah dilakukan oleh Responden. Walaupun perkara-perkara ini tidak relevan dalam soal penggantungan Pemohon, Tribunal ini telah mendengar keterangan mengenai dakwaan tersebut oleh Pemohon dan akan memberi pandangan majoriti Tribunal setelah menimbang fakta-fakta yang dikemukakan.

42. Dakwaan pertama oleh Pemohon adalah bahawa “Responden tidak memberi maklumat tepat tentang perniagaan kedai-kedai serbaguna, kedai fesyen, taska dan bengkel kejuruteraan di mana kesemua perniagaan tersebut telah mengalami kerugian”.

43. Keterangan yang dikemukakan menunjukkan bahawa secara amnya terdapat kerugian tetapi akaun berasingan bagi setiap perniagaan tidak dikemukakan dan tidak ditunjukkan secara khusus apakah maklumat yang tidak tepat yang dikatakan diberikan oleh Responden. Akaun yang dikemukakan adalah akaun yang disatukan dan saksi Pemohon SP2 iaitu juru odit luar Responden yang hadir memberi keterangan bagi pihak Pemohon tidak ditanya dan tidak menyatakan di mana maklumat yang tidak tepat itu dipaparkan. Oleh ini, tidak ada bukti mengenai dakwaan pertama Pemohon setakat ini dan majoriti Tribunal ini tidak dapat menyatakan bahawa dakwaan pertama Pemohon adalah benar.

44. Dakwaan kedua Pemohon adalah bahawa “Responden gagal memberi laporan kewangan seperti kehendak Akta seksyen 59(5). Tiada laporan kewangan berimbang berkenaan kerugian perniagaan tersebut”.

45. Ini bukannya suatu relief yang boleh dipohon oleh Pemohon daripada Tribunal Koperasi. Tribunal ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat award berkenaan dakwaan ini jikapun dakwaan itu dibuktikan. Jika sebenarnya terdapat pelanggaran sedemikian, maka Pemohon haruslah melaporkan perkara itu kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) agar tindakan pendakwaan dapat diambil terhadap mereka yang berkaitan di bawah seksyen 59(6) Akta Koperasi 1993. Oleh ini, majoriti Tribunal ini juga tidak dapat menerima dakwaan kedua Pemohon.

46. Dakwaan ketiga Pemohon adalah bahawa “Responden gagal menjemput juru audit luar untuk mengesahkan inventori”.

47. Memang benar perkara ini telah berlaku tetapi Pemohon tidak dapat membuktikan bahawa kegagalan tersebut telah menyebabkan berlakunya penyelewengan dan salah laku dan disengajakan oleh Responden. Pengiraan stok yang dilakukan tanpa kehadiran juru odit luar tidak *per se* bermaksud bahawa terdapat nilai dan kuantiti inventori yang salah.

48. Pemohon tidak menunjukkan bahawa adanya stok yang tidak diambil kira atau terdapat sebarang kepalsuan nilai dalam inventori stok. Surat juru odit luar di ms 60 P1 tidak menyatakan bahawa inventori berjumlah RM107,473.25 adalah nilai yang terlalu tinggi atau rendah atau tidak betul. Surat tersebut hanya menyatakan juru odit luar tidak dapat memberi kepastian kesaksamaan kuantiti dan nilai inventori sebab dia tidak hadir dan pengiraan dibuat oleh pihak pengurusan Koperasi. Semasa memberi keterangan SP2 tidak dapat memberi kepastian samada firmannya telah memberitahu Responden berkenaan perlunya kehadirannya semasa pengiraan inventori. Oleh ini, sekali lagi, majoriti Tribunal ini mendapati bahawa Pemohon telah gagal membuktikan pendakwaannya terhadap Responden.

49. Dakwaan keempat dan kelima Pemohon akan ditimbang bersama-sama iaitu “(4) Responden tidak ada kertas kerja berkaitan pembelian ke atas rumah kedai dua tingkat dan rumah kedai tiga tingkat” dan “(5) Responden tidak bijak menguruskan wang koperasi. Cara pembayaran adalah mengambil risiko yang sangat bahaya. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mahu pembayaran 10% tetapi Responden telah membayar secara tunai sebelum tandatangan dokumen perjanjian jual beli. Responden gagal berhemat dan bertekun seperti ahli-ahli perniagaan yang biasa”.

50. Setelah meneliti dokumen yang dikemukakan dan keterangan daripada saksi-saksi, adalah didapati bahawa terdapat kertas kerja yang dibentangkan kepada ALK mengenai pembelian rumah kedai Responden dan di mana tiada kertas kerja disediakan, terdapat jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan untuk mengkaji dan meneliti cadangan tersebut.

51. Pembayaran wang belian secara keseluruhan kepada DBKL adalah kerana Responden tidak mahu mengambil pinjaman bank di mana Koperasi akan dibebankan dengan pembayaran faedah yang tinggi memandangkan bahawa Koperasi mempunyai wang yang mencukupi untuk membuat pembayaran tersebut. Berdasarkan kepada keterangan ini, majoriti Tribunal ini juga mendapati bahawa Pemohon telah tidak berjaya membuktikan kedua-dua dakwaannya.

52. Dakwaan Pemohon yang akhir dan keenam adalah "Tidak adil Pemohon diminta menanggung kerugian bersama-sama dengan ALK dan Pemohon perlu melindungi dirinya daripada liabiliti".

53. Pemohon boleh mengambil alih sebahagian tanggung jawab yang diberikan kepada ALK untuk baik pulih Responden dan tidak menolak tanggung jawabnya. Mengecualikan diri dalam cara ini tanpa mahu menceburi diri dalam aktiviti Responden dan meminggirkan diri sendiri daripada tanggung jawab dalam Responden bukannya sesuatu yang boleh digalakkan oleh majoriti Tribunal ini dan Pemohon boleh disifatkan sebagai telah menarik diri daripada Lembaga Responden sebelum dia digantung oleh Lembaga Responden.

54. Berdasarkan atas sebab-sebab dan alasan di atas, majoriti Tribunal ini memutuskan bahawa keputusan oleh MAT 2009 untuk menggantung Pemohon daripada jawatannya sebagai ALK Responden selama satu penggal dikekalkan. Oleh ini, relief yang dipohon oleh Pemohon bahawa dia dikekalkan sebagai ALK Responden tidak dibenarkan dan ditolak dengan kos.

### **Relief Supaya Dibatalkan Pelantikan Puan Samsinah binti Suparman**

55. Berkenaan dengan pelantikan Puan Samsinah binti Suparman bagi menggantikan Pemohon apabila dia digantung oleh Lembaga Responden, adalah pandangan majoriti Tribunal bahawa Lembaga Responden boleh membuat demikian di bawah UUK 45(2)(1) sementara menunggu keputusan muktamad daripada MAT 2009. Jika MAT 2009 mengeneipkan pergantungan jawatan Pemohon, maka dengan sendirinya pelantikan Puan Samsinah binti Suparman akan tamat. Tetapi oleh kerana MAT 2009 telah mengesahkan keputusan Mesyuarat ALK Khas untuk menggantungkan Pemohon sebagai ALK maka pelantikan Puan Samsinah binti Suparman dikekalkan.

56. Secara majoriti, Tribunal ini menolak permohonan Pemohon supaya dibatalkan pelantikan Puan Samsinah binti Suparman atas dasar yang tersebut di atas.

### **Relief Sampingan Yang Lain**

57. Relief sampingan yang lain juga tidak dibenarkan dan juga ditolak dengan kos.

Bertarikh pada 26 November 2010.

**PUAN TAN GHEE PHAIK**  
**Pengerusi Tribunal**

**TUAN MD ZIN BIN ABDULLAH**  
**Anggota Panel Koperasi**